



کمنترین سومبرۂ اوتام دان فانچوثن

KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM

KENYATAAN AKHBAR

*MAJLIS KHATAM AL-QURAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN SEMPENA BULAN RAMADHAN TAHUN 1444H / 2023M*

*15 APRIL 2023M BERSAMAAN DENGAN 24 RAMADHAN 1444H
MASJID DULI RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK DAMIT*

-
- 1. Bandar Seri Begawan, 15 April 2023** – Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan Jabatan-Jabatan di bawahnya pada petang tadi telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sempena bulan Ramadhan tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi, bertempat di Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas.
 - Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Turut hadir ialah Yang Mulia Haji Yusree bin Haji Junaidi, Timbalan Setiausaha Tetap I; Yang Mulia Dayang Hajah Dahliana binti Haji Aliakbar, Timbalan Setiausaha Tetap II; ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan di KSSUP dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.
 - Majlis dimulakan dengan penyerahan sumbangan wakaf oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan kepada Yang Mulia Awang Rozisham bin Haji Chuchu, Pegawai Hal Ehwal Masjid dan selaku Ketua Imam bagi Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas yang berupa barang keperluan bagi masjid berkenaan. Majlis diteruskan dengan Tadarus Al-Quran secara beramai-ramai serta diakhiri dengan bacaan doa penutup yang dipimpin oleh Ketua Imam di masjid tersebut. Majlis juga diserikan dengan tazkirah bertajuk 'Memanfaatkan Hari-Hari Terakhir Ramadhan' yang disampaikan oleh Yang Mulia Dr. Mohammad Hilmy Baihaqy bin Hj Awg Yussof, Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa dan Pensyarah Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). Majlis kemudian disusuli dengan berbuka puasa dan solat fardhu Maghrib berjemaah.
 - Majlis Khatam Al-Quran adalah merupakan aktiviti keagamaan KSSUP dan Jabatan-Jabatan dibawahnya yang diadakan pada setiap tahun di bulan Ramadhan yang mana bertujuan untuk menyemarakkan bulan Ramadhan yang mulia dan penuh keberkatan bagi memupuk budaya membaca Al-Quran di samping meraih keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala.

-tamat-

Disediakan oleh:

Unit Perhubungan Awam

Jabatan Kemajuan Pelancongan

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan